



Penerbitan	Harian Metro	Tarikh	Khamis, 11 Januari 2024
Tajuk	Takaful Malaysia, Bank Rakyat Lanjut Kerjasama Bancatakaful		

Kuala Lumpur: Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (Takaful Malaysia), mengumumkan lanjutan kerjasama bancatakaful dengan Bank Rakyat bagi mempromosi dan memasarkan produk takaful keluarga.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Nor Azman Zainal berkata, pakatan strategik dengan Bank Rakyat selama ini sudah memacu perniagaan yang mampan.

“Kerjasama berterusan kami dengan Bank Rakyat adalah bukti aspirasi kami untuk memberikan nilai kepada pelanggan bank.

“Bersama-sama, kami akan terus meningkatkan kesejahteraan kewangan pelanggan dengan menawarkan akses kepada rangkaian produk perlindungan komprehensif dan mampu milik serta mengukuhkan perniagaan perancangan kewangan takaful keluarga.

“Kerjasama bancatakaful ini menjadi landasan penting dalam usaha kami untuk membantu pelanggan Bank Rakyat mencapai matlamat kewangan mereka,” katanya.

Menurutnya, kerjasama bancatakaful ini menjadi

satu tanda aras penting bagi kedua-dua institusi kewangan Islam terkemuka untuk memenuhi keperluan pelanggan Bank Rakyat yang pelbagai dan memberikan jaminan kewangan melalui rangkaian penyelesaian perlindungan yang diuruskan Takaful Malaysia.

Beliau berkata, lanjutan kerjasama ini mencerminkan dedikasi Takaful Malaysia untuk memanfaatkan keupayaan dalam menawarkan pelanggan Bank Rakyat dengan penyelesaian perlindungan yang bersesuaian dan relevan bagi keperluan mereka.

“Gabungan kepakaran kami dengan Bank Rakyat mewujudkan sinergi untuk memperkuuh portfolio perniagaan dalam segmen runcit untuk rangkaian produk takaful keluarga dan simpanan yang komprehensif dan mampu milik serta kedudukan utuh kami dalam perniagaan berkaitan kredit.

“Melangkah ke hadapan, Takaful Malaysia dan Bank Rakyat akan kekal fokus untuk memenuhi keperluan pelanggan dengan menawarkan penyelesaian perlindungan berpatutan dan komprehensif,” katanya.